

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon BSN MyRinggit Insan-i. Sila pastikan anda membaca dan memahami terma-terma di dalam Surat Tawaran dan Dokumen Tawarruq ("Perjanjian Pembiayaan") jika permohonan diluluskan. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for the BSN MyRinggit Insan-i. Please read and understand the terms in the Letter of Offer and Tawarruq Documents ("Financing Agreement") if approved. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.



BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN MyRinggit Insan-i

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan /
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- BSN MyRinggit Insan-i ialah inisiatif kerajaan untuk membantu ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendapatkan sumber tunai melalui pembiayaan peribadi mengikut Notis Pengeluaran Bersyarat Akaun 2 KWSP mereka. / *BSN MyRinggit Insan-i is a government initiative to assist Employees Provident Fund (EPF) members to obtain cashflow through personal financing based on their EPF Account 2 Conditional Notice for Withdrawal.*
- Pelanggan perlu membayar ansuran bulanan berdasarkan jadual bayaran yang telah ditetapkan. / *Customers have to pay monthly installments based on the set payment schedule.*
- Melalui BSN MyRinggit Insan-i ini, Pelanggan akan membuat Notis Pengeluaran Bersyarat Akaun 2 bagi pengeluaran di antara umur *50 sehingga **55 tahun di mana simpanan Pelanggan di akaun 2 KWSP (beserta dividen) tersebut akan dibayar kepada pihak bank apabila Pelanggan mencapai mana-mana umur yang dipilih oleh Pelanggan (50 sehingga 55 tahun) hanya sekiranya masih terdapat tunggakan pembiayaan dengan Bank. / *Through BSN MyRinggit Insan-i, the Customer will make a Conditional Notice for Withdrawal of Account 2 at the age of *50 to **55 years where the Customer's savings in the EPF account 2 (along with dividends) will be paid to the bank when the Customer reaches any age opted by the Customer (50 to 55 years) only if there is still outstanding financing with the Bank.*
- Pelanggan yang memenuhi kriteria di bawah layak untuk memohon BSN MyRinggit Insan-i / *Customers that meet the following criteria are eligible to apply for BSN MyRinggit Insan-i:*
 - i. Berumur 40 – 49 tahun sewaktu memohon / *Aged 40 – 49 years old at the point of application*
 - ii. Ahli KWSP (mendaftar i-Akaun dengan KWSP) yang mempunyai baki simpanan minimum RM3,000 di dalam Akaun 2 KWSP / *EPF members (registered i-Akaun with EPF) who have a minimum savings of RM3,000 in EPF Account 2.*
 - iii. Memahami dan menerima Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasiliti Sokongan Akaun 2 di halaman / laman web BSN / *Understand and accept Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasiliti Sokongan Akaun 2 on BSN's landing page / webpage.*
 - iv. Melepassi semakan kredit BSN termasuk penilaian kelayakan / *Fulfilled BSN's credit checking which includes affordability assessment*
- Penawaran BSN MyRinggit Insan-i bermula pada 14 April 2023 sehingga 4 April 2024 / *The BSN MyRinggit Insan-i offer starts on 14 April 2023 until 4 April 2024.*

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi wakil yang merangkumi / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the followings:*
 - i. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
 - ii. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.*

3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

Amaun Pembiayaan / Financing Amount	Minimum / Minimum: RM3,000 Maksimum / Maximum: RM50,000
*Tempoh Pembiayaan (Tahun) / Financing Tenure (Years)	Sehingga 10 tahun atau sehingga umur 55 tahun pada akhir tempoh Pembiayaan, yang mana terdahulu. / Up to 10 years or until the age of 55 years old at the end of financing tenure, whichever is earlier.
Kadar Keuntungan (setahun) / Profit Rate (per annum)	KAS + 1.75% setahun / SBR + 1.75% per annum
**Kadar Keuntungan Efektif (setahun) / Effective Profit Rate (per annum)	4.75% setahun / 4.75% per annum
Kadar Asas Standard (KAS) BSN semasa (setahun) / Current BSN Standardised Base Rate (BR) (per annum)	3.00% (berkuat kuasa mulai 12 Mei 2023) / 3.00% (with effect from 12 May 2023)
Kadar Untung Dipersetujui (setahun) / Contracted Profit Rate (per annum)	15.00%

Nota / Note:

- i. *Pembiayaan mestilah tamat pada tahun di mana simpanan Akaun 2 dikeluarkan seperti yang ditetapkan oleh Pelanggan (pada umur 50 sehingga 55 tahun) mengikut Notis Pengeluaran Bersyarat Akaun 2. / *Financing must end in the year of which Account 2 savings are withdrawn as opted by the customer (at age 50 to 55) based on Conditional Notice for Withdrawal of Account 2.
- ii. ** Kadar Keuntungan Efektif boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada Kadar Asas Standard. / The Effective Profit Rate can increase or decrease due to changes in the Standardised Base Rate.


4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / What is Standardised Base Rate (SBR)?

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalam (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetary seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR). / The SBR can increase or decrease due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).

6. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years



Nota / Note:

- i. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / For a longer historical series, please refer to our website.
- ii. KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.

7. Apakah tanggungjawab saya? What are my obligations?

Jumlah ansuran bulanan / Monthly instalment amount	Jumlah ansuran bulanan dikira mengikut formula berikut / The monthly instalment is calculated in accordance to the following formula: Kadar Terapung / Floating Rate: $\frac{[P / 1200 \times (1+R^{(12*T)})]}{[(1+ R/1200)^{12*T} - 1]}$
	Di mana / Where : P = Jumlah Pembiayaan yang diluluskan / Financing Amount Approved R = Kadar Keuntungan setahun / Profit rate per annum T = Tempoh Pembiayaan (tahun) / Tenure of facility (years) t = Tempoh Pembiayaan (bulan) / Tenure of facility (months)

Jadual di bawah menunjukkan simulasi bagi kelayakan Pelanggan dan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar / The table below shows the simulation of Customer's eligibility and monthly instalment payable:

Butiran / Detail	A	B
Baki Simpanan Akaun 2 KWSP / Amaun Pembiayaan / EPF Account 2 Balance / Financing Amount	RM 3,000	RM 15,000
Umur / Age	40 tahun / 40 years	45 tahun / 45 years
Opsyen Pengeluaran (Umur) / Withdrawal Option (Age)	50 tahun / 50 years old	50 tahun / 50 years old
*Tempoh Pembiayaan Layak (Tahun) / Eligible Financing Tenure (Year)	10 tahun / 10 years	10 tahun / 10 years
Amaun Ansuran Bulanan / Monthly Installment Amount	RM 32	RM 158
Jumlah Amaun Pembiayaan / Total Financing Amount	RM 3,775	RM 18,873

Nota / Note: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / The above example is only for illustration

Penting / Important: Ansuran bulanan, jumlah keseluruhan bayaran, dan jumlah keseluruhan kos keuntungan akan berbeza jika terdapat perubahan KAS. / The monthly instalment, total payment amount and total profit cost will vary if the SBR changes.

Jumlah Pembiayaan / Financing Amount	RM 3,000
Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure	10 tahun / 10 years

Kadar / Rate	Semasa (KAS = 3.00% setahun) / Current (SBR = 3.00% per annum)	Jika KAS naik 1% setahun / If SBR goes up 1% per annum	Jika KAS naik 2% setahun / If SBR goes up 2% per Annum
Ansuran bulanan / Monthly instalment	RM32	RM33	RM35
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh pembiayaan [10] tahun / Total payment amount at the end of [10] years	RM3,775	RM3,952	RM4,134
Jumlah keseluruhan kos keuntungan di akhir tempoh pembiayaan [10] tahun / Total profit cost at the end of [10] years	RM775	RM952	RM1,134

Nota / Note: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / The above example is only for illustration

8. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? What other fees do I have to pay?

Bil. / No.	Jenis Fi / Type of Fee	Butiran / Details
1.	Duti Setem / Stamp Duty	Dikecualikan / Waived
2.	Sumbangan Perlindungan Takaful (diwajibkan) / Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Berubah berdasarkan umur / tempoh / jumlah pembiayaan / <i>May vary based on age / tenure / financing amount.</i> Sumbangan perlindungan Takaful maksimum adalah 2.75% daripada jumlah pembiayaan / <i>The maximum Takaful contribution is 2.75% from the total financing amount.</i>
3.	Fi Wakalah / Wakalah Fee	Dikecualikan / Waived

Nota / Note: Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja dan akan ditolak dari amaun Pembiayaan / All fees are one-off payment only and will be deducted from the financing amount

9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya? / What if I fail to fulfil my obligations?

Sekiranya Pelanggan gagal membayar ansuran bulanan pembiayaan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Bank / If the Customer fails to pay the monthly financing installments according to the schedule set by the Bank:

- Pelanggan boleh dan amat digalakkan untuk merujuk terus kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan berkaitan pembiayaan berkenaan./ *Customers can and are strongly encouraged to refer directly to the Credit Counseling and Management Agency (AKPK) to obtain financial advice related to financing.*
- Rekod kewangan / kredit Pelanggan di laporan CCRIS akan terjejas. / *Customer's financial / credit record in the CCRIS report will be affected.*
- Sekiranya Pelanggan mengalami keadaan-keadaan seperti hilang upaya, meninggalkan negara dan perkerja berpencen mengikut Akta KWSP 1991 dan pada masa yang sama keberhutangan Pelanggan di bawah pembiayaan masih ada, KWSP akan membuat bayaran pengeluaran (termasuk dividen ke atas amaun tersebut) untuk menjelaskan keberhutangan Pelanggan dengan pihak bank berdasarkan Notis Pengeluaran Bersyarat Akaun 2. Jika ada lebihan setelah ditolak jumlah baki pembiayaan berkenaan, maka lebihan itu akan dikembalikan oleh bank kepada Pelanggan./ *If the Customer is under any of the following circumstances such as disability, leaving the country and pensionable employee and at the same time the financing is still remaining payable, EPF will make a withdrawal payment (including dividends on the amount) to settle the Customer's indebtedness with the bank in accordance with the Conditional Notice for Withdrawal of Account 2. Surplus after deducting the remaining financing amount, if any, will be refunded by the bank to the Customer.*

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaike sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / What if I fully settle the financing before its maturity?

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / *Early settlement is allowable at any time by giving written notice to the Bank.*
- Bank akan memberikan Ibra' (rebate) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / *The Bank shall grant Ibra'(rebate) to the customer where there is:*
 - Penjelasan awal pembiayaan; atau / *Early settlement of the financing; or*
 - Penjelasan awal pembiayaan melalui cara penstruktur semula pembiayaan; atau / *Early settlement of the financing due to restructuring exercise; or*
 - Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / *Full settlement by Customer in the case of default before maturity period of the financing; or*
 - Penjelasan awal melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum berlaku tempoh matang pembiayaan. / *Early Settlement in the event of termination or cancellation of financing before the maturity period of the financing*
- Ibra' dikira dengan formula berikut : Ibra' = Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / *The applicable formula for Ibra' = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).*
- Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / *Bank reserves the rights to impose any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement.*

11. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.*

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:

Pusat Perhubungan Pelanggan**Bank Simpanan Nasional****Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)****Emel/Email: customercare@bsn.com.my**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**Tingkat 5 dan 6,****Menara Bumiputra Commerce,****Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur****Tel: 03-2616 7766****Emel / Email : enquiry@akpk.org.my**

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:

Pusat Perhubungan Pelanggan**Bank Simpanan Nasional****Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)****Emel/Email: customercare@bsn.com.my**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:

BNMLINK**Jabatan Komunikasi Korporat****Bank Negara Malaysia****P.O.Box 10922****50929 Kuala Lumpur****Tel: 1300 88 5465****Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>****13. Di manakah saya boleh memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN MyRinggit Insan-i, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / Should you require additional information on BSN MyRinggit Insan-i, please refer to www.bsn.com.my website.

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat yang muktamad akan dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan yang mana akan diserahkan kepada saya setelah permohonan saya diluluskan oleh pihak Bank. / The final terms and conditions will be stated in the Financing Agreement which will be submitted to me after my application is approved by the Bank.

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 12 Oktober 2023 / All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 12 October 2023.